كمنترين كبودايأن بليا دان سوكن
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

# ڤلن ستراتيݢيك

# PELAN STRATEGIK 2020-2024

MENJALIN KERJASAMA DENGAN MASYARAKAT

بِسۡمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحۡمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

## NOTA PENERBIT

Pembaca yang dihormati,

Dengan hormat sukacita memperkenalkan Pelan Strategik Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan 2020 - 2024. Perancangan Strategik 5 tahun ini menjanjikan perjalanan yang membangkitkan semangat pada masa hadapan !

Sebagai sebuah Kementerian, bersama-sama kita membayangkan potensi masa hadapan yang cemerlang dan maju dalam sektor kemasyarakatan, kebeliaan, kesukanan dan kebudayaan. Menjalin Kerjasama dengan Masyarakat adalah perlu untuk mencapai matlamat kita ke arah **Bangsa Brunei Cemerlang.**


## DITERBITKAN OLEH:

KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN



© Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian, artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara salinan fotokopi, elektronik, mekanikal, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin terlebih dahulu daripada penerbit.



**RUJUKAN PENGKATALOGAN DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA BRUNEI :**

ISBN 978-99917-36-15-0 (eBook edition)

**EDITOR:**
JAWATANKUASA KERJA PELAN STRATEGIK

**REKA BENTUK:**
JAWATANKUASA KERJA PELAN STRATEGIK


PELAN STRATEGIK
2020-2024



## ISI KANDUNGAN:


PETIKAN TITAH

KATA ALU-ALUAN

SEPATAH BICARA

1 MISI DAN VISI

2 OBJEKTIF STRATEGIK DAN PENCAPAIAN VISI

3 NILAI TERAS

4 STRATEGI TERAS DAN INISIATIF STRATEGIK

5 SUKAT-SUKAT DAN SASARAN

6 GARIS ASAS

7 PELAKSANAAN INISIATIF

8 STRATEGI PELAKSANAAN

9 MEMBAWA PROSES KE HADAPAN

GLOSARI

# PETIKAN TITAH:

**"....kita adalah semakin hampir kepada tempoh sasaran Wawasan Negara 2035. Dalam kira-kira 20 tahun itu, bukanlah satu tempoh yang lama. Kita tidak mempunyai banyak ruang untuk berlengah-lengah lagi. Kita mesti ada sikap dan pemikiran yang lebih progresif."**

*Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Sempena Awal Tahun Baru Masihi 2015.*

# Kata Alu-aluan dan Sepatah Bicara

# KATA ALU-ALUAN
# MENTERI
# KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

بسم الله الرحمن الرحيم

الحمد لله رب العالمين، والصلاة والسلام على اشرف الانبياء
والمرسلين سيدنا محمد وعلى اله واصحبه اجمعين.



"Ke arah merealisasikan hasrat **Bangsa Brunei Cemerlang**, Kementerian ini sentiasa komited dalam memberikan perkhidmatan yang berkualiti berpaksikan Melayu Islam Beraja dan prinsip مقاصد الشريعة .

Sebagai sebuah organisasi, kita perlu bersiap siaga untuk menghadapi perubahan dan pelbagai cabaran yang akan datang, baik dalam mahupun luar negara. Ini memerlukan pendekatan *whole-of-nation* iaitu melibatsamakan semua peringkat masyarakat mendukung Wawasan Brunei 2035. Sejak sekian lama, Kementerian ini telah berjaya menjalinkan hubungan kerjasama yang erat dengan masyarakat untuk membentuk dan mendorong ke arah negara yang maju dan berdaya tahan. Masyarakat adalah asas kekuatan kita; apabila kita bekerjasama dengan pelbagai masyarakat, kita memupuk kerjasama yang positif untuk menyumbang kepada pembangunan bangsa dan negara. Kami percaya bahawa **Menjalin Kerjasama Dengan Masyarakat** adalah asas perkhidmatan yang responsif dan berjaya.

Pelan Strategik 5 tahun ini membolehkan kita menetapkan sasaran yang lebih tinggi untuk dicapai dan berimpak dalam mempertingkatkan perkhidmatan kita kepada masyarakat. Kunci kejayaannya ialah keupayaan untuk menyesuaikan diri dan sentiasa mendapatkan penyelesaian yang inovatif."

**Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin**

# SEPATAH BICARA
# SETIAUSAHA-SETIAUSAHA TETAP



بسم الله الرحمن الرحيم

الحمد لله رب العالمين، والصلاة والسلام على اشرف الانبياء والمرسلين سيدنا محمد وعلى اله واصحبه اجمعين.

"Saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada yang terlibat dalam penyediaan Pelan Strategik ini sehingga terlaksananya satu garis panduan yang dinamik untuk masa hadapan kita. Ini membuktikan bahawa **Bersama Kita Boleh** melakukan yang terbaik. Kementerian telah bertahun-tahun, memperluaskan peluang pembangunan masyarakat melalui peningkatan akses dan penyediaan kemudahan untuk memperkasakan belia dan mencapai kecemerlangan sukan. Sekarang adalah masa untuk kita meningkatkan kualiti pemberian perkhidmatan melalui inovasi dan peningkatan penggunaan *platform* pintar dan digitasi."

**Yang Mulia Pengiran Mohammad Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud**
Setiausaha Tetap (Pentadbiran, Kewangan dan Estet)



بسم الله الرحمن الرحيم

الحمد لله رب العالمين، والصلاة والسلام على اشرف الانبياء والمرسلين سيدنا محمد وعلى اله واصحبه اجمعين.

"Ucapan setinggi tahniah dan sekalung terima kasih kepada Jawatankuasa Kerja Pelan Strategik dan semua rakan-rakan strategik atas daya usaha, dedikasi dan komitmen Jawatankuasa Kerja ini dalam menghasilkan dan seterusnya mendokumentasikan Pelan Strategik Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan 2020-2024. Saya juga amat menghargai sokongan seluruh warga kakitangan Kementerian dan dukungan Pengurusan Eksekutif dalam memberi semangat, hala tuju dan kepimpinan sehingga terhasilnya dokumen ini. Ianya merupakan satu manifestasi dalam memperbaharui tekad, keazaman dan keiltizaman warga kerja Kementerian ini ke arah mencapai visi dan misi sekaligus merealisasikan **Sebuah Kementerian Yang Maju**."

**Yang Mulia Pengiran Haji Mohd Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan**
Setiausaha Tetap (Pengurusan Strategi dan Dasar)

بسم الله الرحمن الرحيم

الحمد لله رب العالمين، والصلاة والسلام على اشرف الانبياء والمرسلين سيدنا محمد وعلى اله واصحبه اجمعين.



"Pembentukan Pelan Strategik ini adalah berdasarkan usaha Kementerian secara berterusan dan mencerminkan komitmen tinggi untuk **Melibatkan Diri Dengan Komuniti**. Kami berhasrat untuk mengukuhkan kerjasama yang erat dengan rakan strategik, dan memperkukuhkan lagi penyampaian perkhidmatan kepada masyarakat secara keseluruhan.

Dengan berpandukan kepada visi, aspirasi dan nilai-nilai teras yang terkandung di dalam Pelan Strategik 5 tahun ini serta kesedaran dan pemahaman mengenai cabaran sosio-ekonomi yang mendatang, Kementerian ini tidak akan leka dalam usaha menjamin kualiti hidup yang tinggi bagi masyarakat, memperkasakan komuniti dan membina masyarakat yang berbudaya."

**Yang Mulia Hajah Nor Ashikin Haji Awang Johari**
Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan dan Kebudayaan)

# مقاصد الشريعة

## PELAN STRATEGIK KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN ADALAH BERDASARKAN MELAYU ISLAM BERAJA (MIB) DAN BERPANDUKAN KEPADA LIMA MATLAMAT مقاصد الشريعة

**Memelihara dan Memperkembangkan Agama**

Memelihara amanah dan tanggungjawab untuk taat kepada Allah dan Rasul dan kepada *Ulul Amri*, supaya Negara Brunei Darussalam terpelihara sebagai sebuah Negara yang merdeka dan berdaulat berlandaskan ajaran agama Islam.

Memperkembangkan di kalangan masyarakat hasrat untuk memperkasakan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah Negara Islam berdasarkan aqidah *Ahli Sunnah Wal-Jama'ah*.

**Memelihara dan Memperkembangkan Kehidupan**

Memelihara kesejahteraan masyarakat dengan meningkatkan perkhidmatan kemasyarakatan pada mencegah kemudaratan sosial (*mafsadah*).

Meningkatkan kualiti hidup dengan mempromosikan gaya hidup yang sihat pada mengejar kebajikan sosial (*maslahah*).

**Memelihara dan Memperkembangkan Intelek**

Mengenali dan memelihara kedaulatan identiti keBruneian yang tercorak oleh Syariat Islam.

Mempertingkatkan daya fikiran sihat di kalangan belia-belia Negara Brunei Darussalam dan rakyatnya untuk membangun kecemerlangan masyarakat dalam konteks falsafah MIB.

**Memelihara dan Memperkembangkan Keturunan**

Memelihara kesejahteraan kanak-kanak, wanita, warga emas dan golongan sasaran demi menegakkan keluarga sakinah.

Mempertingkatkan dan mempromosikan kesejahteraan keluarga sakinah.

**Memelihara dan Memperkembangkan Harta**

Memelihara keupayaan masyarakat untuk menyara tahap hidup yang mulia.

Meningkatkan dan mempromosikan keupayaan masyarakat untuk menyara tahap hidup yang mulia.

# Misi dan Visi

## GARIS MASA: Di mana kita bermula

Kementerian ini telah mula mengkaji rancangan strategiknya pada awal tahun 2018. Dalam tempoh 18 bulan, usaha pengumpulan data dilaksanakan dengan melibatkan pihak-pihak berkepentingan khususnya bahagian-bahagian dan jabatan-jabatan di bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS). Rangka kerja konsep perancangan strategik telah dihasilkan pada bulan Ogos 2019 dengan mengambil rujukan dari dasar-dasar dan strategi-strategi terdahulu. Kajian Belia Kebangsaan 2018 dan Indeks Pembangunan Belia (YDI) juga digunakan sebagai panduan.



## KENYATAAN MISI: Komitmen kami

Kementerian ini akan sentiasa berusaha meningkatkan taraf kehidupan dan kesejahteraan rakyat melalui penyediaan dan pemberian perkhidmatan yang cemerlang. Komitmen ini tercermin dalam penyata misi kami:

**"Membina masyarakat yang berbudaya, berdaya tahan, berdaya saing, bertanggungjawab dan pemedulian."**

**Untuk mencapai matlamat ini, Kementerian akan:**

**(1) Meningkatkan Kerjasama Strategik melalui pendekatan seluruh negara.**

**(2) Meningkatkan Kualiti Pemberian Perkhidmatan kepada pelanggan.**

**(3) Meningkatkan Kehidupan Bangsa Berkualiti.**

## KENYATAAN VISI: Hasrat kami

Sebagai sebuah organisasi, visi Kementerian adalah untuk mencapai:

# "BANGSA BRUNEI CEMERLANG"

**Untuk memberi makna kepada visi ini, Kementerian berhasrat ke arah:**

**(1) Masyarakat Progresif.**

**(2) Belia Siaga Masa Depan.**

**(3) Negara Sukan Yang Gemilang.**

**(4) Budaya Dinamik dan Pengukuhan Warisan.**

**(5) Persekitaran Kerja Inklusif dan Produktif.**

# Objektif Strategik dan Pencapaian Visi

"BANGSA BRUNEI CEMERLANG"

# 3

## OBJEKTIF STRATEGIK

# 5

## PENCAPAIAN VISI

# OBJEKTIF STRATEGIK: Pensejajaran misi kami

## KERJASAMA STRATEGIK

Kolaborasi dan memanfaatkan pelbagai bidang kerjasama bagi pembangunan sosioekonomi dan sosiobudaya yang mapan.

## PEMBERIAN PERKHIDMATAN BERKUALITI

Memanfaatkan teknologi, *platform* pintar, pensejajaran proses, berasaskan bukti dan amalan terbaik.

## KEHIDUPAN BERKUALITI

Menyediakan keperluan asas dan akses kepada kesejahteraan masyarakat selaras dengan Wawasan Brunei 2035.

# HASIL: Apa yang ingin dicapai

## PENCAPAIAN VISI

**MASYARAKAT PROGRESIF**
Ekosistem pembangunan kapasiti masyarakat yang mapan, berdaya saing, dinamik dan inklusif secara progresif.

**BELIA SIAGA MASA DEPAN**
Belia bertaraf dunia yang berteraskan nilai sebagai agen perubahan siaga masa hadapan bagi pembangunan negara dengan berakarumbikan keinklusifan.

**NEGARA SUKAN YANG GEMILANG**
Mencapai kecemerlangan dalam sukan berdaya saing, perkembangan pembangunan sukan dan kesejahteraan masyarakat.

**BUDAYA DINAMIK DAN PENGUKUHAN WARISAN**
Budaya dan warisan negara sebagai tonggak perpaduan yang sentiasa terus relevan dalam menyumbang ke arah pembangunan negara.

**PERSEKITARAN KERJA INKLUSIF DAN PRODUKTIF**
Warga kerja yang terlibat aktif, cekap, berkebolehan dan berkeyakinan dalam memberikan perkhidmatan berkualiti yang memenuhi pelbagai keperluan dan mampu melaksanakan objektif-objektif strategik.

# Nilai Teras

# NILAI TERAS: Kebertanggungjawaban dan pencapaian

Nilai-nilai teras organisasi adalah menentukan kedinamikan kita, mengukur harapan-harapan pihak berkepentingan dalaman dan luaran, menyokong kebertanggungjawaban dan memacu prestasi tinggi.

**Kami mengutamakan:**

| | |
|---|---|
| **KLIEN DIDAHULUKAN** | menentukan apa yang kita lakukan, keutamaan kita. |
| **PROFESIONALISME** | memberikan perkhidmatan yang berkualiti melalui kakitangan yang terlatih dan berkemahiran tinggi. |
| **KECEMERLANGAN** | sentiasa berusaha untuk menyediakan penyampaian perkhidmatan yang berkualiti. |
| **INTEGRITI** | mendukung kejujuran, keprihatinan, kesaksamaan dan keadilan. |
| **KERJASAMA** | menjalin kerjasama dengan masyarakat di seluruh negara. |

"Membina masyarakat yang berbudaya, berdaya tahan, berdaya saing, bertanggungjawab dan pemedulian."

# Strategi Teras dan Inisiatif Strategik

"Membina masyarakat yang berbudaya, berdaya tahan, berdaya saing, bertanggungjawab dan pemedulian."

# 5
## STRATEGI TERAS

# 11
## INISIATIF STRATEGIK

# STRATEGI TERAS: Pemudah untuk merealisasikan misi dan hasil

Kementerian akan memfokuskan kepada lima (5) Strategi Teras yang menjadi pemudah untuk mencapai impak yang lebih berkesan.



# INISIATIF STRATEGIK:
## Kegiatan-kegiatan yang membantu pencapaian objektif dan hasil

| STRATEGI-STRATEGI TERAS | INISIATIF-INISIATIF STRATEGIK |
|---|---|
| Meningkatkan Kerjasama Seluruh Negara Dalam Pembangunan Keupayaan Masyarakat | • Meningkatkan keupayaan melalui **pembelajaran sepanjang hayat** dan **latihan kemahiran (*up/re-skilling*).**<br>• Meneroka dan memperluas kerjasama dalam **aktiviti keusahawanan.**<br>• Meningkatkan kerjasama untuk melaksanakan dan mengembangkan **inisiatif peluang pekerjaan** dan **kesukarelawanan.** |
| Meningkatkan Pensejajaran Proses dan Pengoptimuman Sumber Secara Efektif | • Meneroka dan menambah baik pemberian perkhidmatan melalui pendekatan **Pasukan Rentas Fungsi (*Cross Functional Team, CFT*)** dan penggunaan **teknologi.**<br>• Pengurusan aset melalui **Program Konsolidasi Fiskal (*Fiscal Consolidation Programme,FCP*).** |
| Meningkatkan Peluang Inovasi dan Penyelidikan | • Mewujudkan **hab inovasi** dan **penyelidikan.**<br>• Mewujudkan **pusat-pusat kecemerlangan (*Centres of Excellence, CoE*).** |
| Memantapkan Perancangan dan Perkembangan Sumber Manusia | • Mewujudkan strategi **Perancangan** dan **Perkembangan Sumber Manusia** dan **Pengurusan Bakat.** |
| Meningkatkan Pembangunan Sektor-sektor: Kemasyarakatan Kebeliaan, Kesukanan dan Kebudayaan | • Pelaksanaan berkesan **Wawasan Brunei 2035.**<br>• Memaksimumkan ketersediaan **program-program inklusif** yang menyokong masyarakat.<br>• Meningkatkan keupayaan dan kemampuan masyarakat bagi **meluaskan peluang dan pembangunan sektor-sektor.** |

## (1) Meningkatkan Kerjasama Seluruh Negara Dalam Pembangunan Keupayaan Masyarakat.

### 1.1 Meningkatkan keupayaan melalui pembelajaran sepanjang hayat dan latihan kemahiran *(up/re-skilling).*

Kami akan memperluaskan penyertaan dan menambah baik akses kepada program pembangunan keupayaan yang relevan dan memfokus kepada pembangunan latihan kemahiran.

### 1.2 Meneroka dan memperluas kerjasama dalam aktiviti keusahawanan.

Kami akan terus bekerjasama dengan agensi-agensi yang relevan untuk memperluaskan dan membina peluang keusahawanan bagi klien melalui penyediaan platform dan bantuan (*grant*).

### 1.3 Mempertingkatkan kerjasama untuk melaksanakan dan mengembangkan inisiatif peluang pekerjaan dan kesukarelawanan.

- Kami akan terus bekerjasama dengan agensi-agensi yang relevan untuk memperluaskan dan membina inisiatif perkerjaan bagi klien.

- Kami akan terus menggalakkan upaya kerjasama dengan sukarelawan ke arah pelaksanaan objektif-objektif strategik Kementerian.

## (2) Meningkatkan Pensejajaran Proses dan Pengoptimuman Sumber Secara Efektif.

### 2.1 Meneroka dan menambah baik pemberian perkhidmatan melalui pendekatan Pasukan Rentas Fungsi (*CFT)* dan penggunaan teknologi.

- Kami akan menambahbaik dan mensejajarkan sistem dan proses untuk lebih mudah diakses dan mengikut keperluan klien.
- Kami akan memperkasakan kakitangan untuk membina cara penambahbaikan keberkesanan melalui CFT.
- Kami akan meningkatkan penyampaian perkhidmatan kami dengan memanfaatkan pada data dan melalui pengoptimuman platform pintar dan digitasi.

### 2.2 Pengurusan Aset Melalui Program Konsolidasi Fiskal (FCP).

Kami akan menambahbaik kecekapan operasi, produktiviti dan pulangan pelaburan (*Return on Investment, RoI*) melalui pengurusan aset yang terancang untuk Kerjasama Awam-Swasta (*Public-Private Partnership, PPP*) atau penyumberluaran (*Outsourcing*).

## (3) Meningkatkan Peluang Inovasi dan Penyelidikan.

### 3.1 Mewujudkan hab inovasi dan penyelidikan.

Kami akan mendukung perkembangan pengwujudan pusat penyelidikan yang berkualiti dan peluang inovasi untuk menggalakkan peningkatan ilmu pengetahuan; penerbitan, impak program dan pakar-pakar penyelidikan.

### 3.2 Mewujudkan Pusat-Pusat Kecemerlangan (*CoE*).

Kami akan mendukung pembangunan sektor-sektor untuk mencapai kecemerlangan dalam pemberian perkhidmatan, amalan-amalan terbaik dan kecekapan.

## (4) Memantapkan Perancangan dan Perkembangan Sumber Manusia.

### 4.1 Mewujudkan strategi Perancangan dan Perkembangan Sumber Manusia dan Pengurusan Bakat.

- Kami akan merangka proses perancangan strategik yang berterusan dan perancangan pelapis untuk mengenal pasti dan membangun keupayaan, fungsi dan peranan kakitangan.

- Kami akan menambah nilai dalam perkembangan profesion dan kerjaya melalui pembelajaran, kepimpinan, mentor, perkembangan / pelaksanaan projek dan pengurusan prestasi.

## (5) Meningkatkan Pembangunan Sektor-Sektor: Kemasyarakatan, Kebeliaan, Kesukanan dan Kebudayaan.

### 5.1 Pelaksanaan berkesan Wawasan 2035.

Kami akan mengutamakan dan mensejajarkan inisiatif-inisiatif strategik dengan komitmen-komitmen antarabangsa termasuk Matlamat-Matlamat Pembangunan Mapan (SDGs). Untuk memastikan kemampanan, kami akan menilai keberkesanan pelaksanaan.

### 5.2 Memaksimumkan ketersediaan program-program inklusif yang menyokong masyarakat.

Kami akan melaksanakan program-program yang lebih mudah diakses dan tersedia untuk semua lapisan masyarakat.

### 5.3 Meningkatkan keupayaan dan kemampuan masyarakat bagi meluaskan peluang dan pembangunan sektor-sektor.

Kami mendukung inisiatif / program yang diterajui oleh masyarakat untuk menggalakkan penglibatan dan keikutsertaan.

# PENSEJAJARAN STRATEGI: PELAN STRATEGIK 2020-2024

## VISI DAN MISI

**VISI KKBS**

BANGSA BRUNEI CEMERLANG

**MISI KKBS**

MEMBINA MASYARAKAT YANG BERBUDAYA, BERDAYA TAHAN, BERDAYA SAING, BERTANGGUNGJAWAB DAN PEMEDULIAN.

## PENCAPAIAN VISI

**WAWASAN BRUNEI 2035**

- RAKYAT YANG BERPENDIDIKAN TINGGI, BERKEMAHIRAN DAN BERJAYA
- KUALITI KEHIDUPAN YANG TINGGI
- EKONOMI YANG DINAMIK DAN BERDAYA TAHAN

**PENCAPAIAN VISI KKBS:**

- MASYARAKAT PROGRESIF
- BELIA SIAGA MASA DEPAN
- NEGARA SUKAN YANG GEMILANG
- BUDAYA DINAMIK DAN PENGUKUHAN WARISAN
- PERSEKITARAN KERJA PRODUKTIF DAN INKLUSIF

## OBJEKTIF STRATEGIK

Meningkatkan Kerjasama Strategik melalui pendekatan seluruh negara.

**KERJASAMA STRATEGIK**

Meningkatkan Pemberian Perkhidmatan Berkualiti kepada pelanggan.

**PEMBERIAN PERKHIDMATAN BERKUALITI**

Meningkatkan Kehidupan Bangsa Berkualiti.

**KEHIDUPAN BERKUALITI**

## STRATEGI TERAS

1. Meningkatkan Kerjasama Seluruh Negara Dalam Pembangunan Keupayaan Masyarakat.
2. Meningkatkan Pensejajaran Proses dan Pengoptimuman Sumber Secara Efektif.
3. Meningkatkan Peluang Inovasi dan Penyelidikan.
4. Memantapkan Perancangan dan Perkembangan Sumber Manusia.
5. Meningkatkan Pembangunan Sektor-Sektor: Kemasyarakatan, Kebeliaan, Kesukanan dan Kebudayaan.

## INISIATIF STRATEGIK

- 1.1 Meningkatkan keupayaan melalui pembelajaran sepanjang hayat dan latihan kemahiran (up/*re-skilling*).
- 1.2 Meneroka dan memperluas kerjasama dalam aktiviti keusahawanan.
- 1.3 Mempertingkatkan kerjasama untuk melaksanakan dan mengembangkan inisiatif peluang pekerjaan dan kesukarelawanan.
- 2.1 Meneroka dan menambah baik pemberian perkhidmatan melalui pendekatan Pasukan Rentas Fungsi (*Cross-Functional Team*,*CFT*) dan penggunaan teknologi.
- 2.2 Pengurusan aset melalui Program Konsolidasi Fiskal (*Fiscal Consolidation Programme*, *FCP*).
- 3.1 Mewujudkan hab inovasi dan penyelidikan.
- 3.2 Mewujudkan pusat-pusat kecemerlangan (*Centres of Excellence*, *CoE*).
- 4.1 Mewujudkan strategi Perancangan dan Perkembangan Sumber Manusia dan Pengurusan Bakat.
- 5.1 Pelaksanaan berkesan Wawasan Brunei 2035.
- 5.2 Memaksimumkan ketersediaan program-program inklusif yang menyokong masyarakat.
- 5.3 Meningkatkan keupayaan dan kemampuan masyarakat bagi meluaskan peluang dan pembangunan sektor-sektor.

| MATLAMAT-MATLAMAT PEMBANGUNAN MAMPAN (*SDGs*) | ASEAN |
| --- | --- |
| MATLAMAT 1 — TIADA KEMISKINAN (MENGURANGKAN ATAU MEMBASMI)<br>ST1, IS (1.1) (1.2) (1.3); ST4, IS (4.1) | *ASEAN SOCIO-CULTURAL COMMUNITY (ASCC)* |
| MATLAMAT 2 — TIADA KELAPARAN (MENGGALAKAN PERTANIAN YANG MAMPAN)<br>ST1, IS (1.1) (1.2) (1.3) | *ASEAN MINISTERIAL MEETING ON SOCIAL WELFARE AND DEVELOPMENT (AMMSWD)* |
| MATLAMAT 3 — MEMASTIKAN KEHIDUPAN YANG SIHAT DAN MENINGKATKAN KESEJAHTERAAN<br>ST1, IS (1.1) (1.2) (1.3); ST4, IS (4.1) | *ASEAN MINISTERS MEETING ON RURAL DEVELOPMENT AND POVERTY ERADICATION (AMMRDPE)* |
| MATLAMAT 4 — PENDIDIKAN BERKUALITI<br>ST1, IS (1.1) (1.2) (1.3) ST4, IS (4.1) | *ASEAN MINISTERIAL MEETING ON WOMEN (AMMW)* |
| MATLAMAT 5 — KESAKSAMAAN *GENDER*<br>ST1, IS (1.1) (1.2) (1.3); ST2, IS (2.1); ST4, IS (4.1); ST5, IS (5.2) | *ASEAN MINISTERIAL MEETING ON YOUTH (AMMY)* |
| MATLAMAT 8 — PERKERJAAN YANG MEMUASKAN DAN PERTUMBUHAN EKONOMI<br>ST1, IS (1.1) (1.2) (1.3); ST2, IS (1.1) (1.2); ST3, IS (3.1) | *ASEAN MINISTERIAL MEETING ON SPORTS (AMMS)* |
| MATLAMAT 9 — INDUSTRI, INOVASI DAN INFRASTRUKTUR<br>ST3, IS (3.1) (3.2) | *ASEAN MINISTERS RESPONSIBLE FOR CULTURE AND ARTS (AMCA)* |
| MATLAMAT 10 — MENGURANGKAN KETIDAKSAMAAN<br>ST4, IS (4.1); ST5, IS (5.1) (5.2) (5.3) | *BIMP-EAGA SOCIO-CULTURAL DEVELOPMENT (SCD)* |
| MATLAMAT 11 — BANDAR DAN MASYARAKAT YANG MAMPAN<br>ST5, IS (5.1) (5.2) (5.3) | |
| MATLAMAT 16 — KEAMANAN, KEADILAN DAN INSTITUSI YANG KUKUH<br>ST2, IS (1.1) (1.2); ST3, IS (3.1); ST4, IS (4.1); ST5, IS (5.1) (5.2) (5.3) | |
| MATLAMAT 17 — KERJASAMA UNTUK MENCAPAI MATLAMAT<br>ST1, IS (1.1) (1.2) (1.3) | |

# Sukat-Sukat dan Sasaran

# INDIKATOR PENANDA ARAS: PETUNJUK PRESTASI UTAMA DAN SASARAN

## KERJASAMA STRATEGIK

Pembangunan keupayaan masyarakat dalam meningkatkan keupayaan dan kemampuan:

- Kebolehpasaran:
  - Pekerjaan.
  - Aktiviti keusahawanan.
  - Melanjutkan pelajaran.
- Kesukarelawanan.

## 3 INISIATIF STRATEGIK

- Meningkatkan keupayaan melalui pembelajaran sepanjang hayat dan latihan kemahiran (up/*re-skilling*).
- Meneroka dan memperluas kerjasama dalam aktiviti keusahawanan.
- Mempertingkatkan kerjasama untuk melaksanakan dan mengembangkan inisiatif peluang pekerjaan dan kesukarelawanan.

## SASARAN

**100%**
Program dengan kerjasama rakan strategik.

**30%**
Peningkatan bisnes permulaan yang berjaya atau dalam aktiviti keusahawanan.

**40%**
Peningkatan kadar keseluruhan golongan sasaran yang mendapat pekerjaan.

**40%**
Peningkatan aktiviti kesukarelawanan.

*Rujuk halaman 46-47 bagi garis asas dan sasaran.

# INDIKATOR PENANDA ARAS: PETUNJUK PRESTASI UTAMA DAN SASARAN

Terdapat tiga (3) bahagian di bawah Pemberian Perkhidmatan Berkualiti:

## PEMBERIAN PERKHIDMATAN BERKUALITI

## 2 INISIATIF STRATEGIK

- Meneroka dan menambah baik pemberian perkhidmatan melalui pendekatan Pasukan Rentas Fungsi (*Cross-Functional Team, CFT*) dan penggunaan teknologi.
- Pengurusan aset melalui Program Konsolidasi Fiskal (*Fiscal Consolidation Programme, FCP*).

(1) Perkhidmatan-perkhidmatan:

- Pensejajaran proses-proses.
- Kecekapan operasi.
- Keberkesanan program.
- Ketepatan masa dan produktiviti.

## SASARAN

**60%**
Proses kerja menggunakan teknologi digital.

**100%**
Penambahbaikan masa proses dan menunggu.

**20%**
Peningkatan penyatuan aset.

**80%**
Pelanggan berpuas hati dengan perkhidmatan.

**3**
Pusat-Pusat Kecemerlangan.

*Rujuk halaman 46-47 bagi garis asas dan sasaran.

# INDIKATOR PENANDA ARAS: PETUNJUK PRESTASI UTAMA DAN SASARAN

## PEMBERIAN PERKHIDMATAN BERKUALITI

## 2 INISIATIF STRATEGIK

- Mewujudkan hab inovasi dan penyelidikan.
- Mewujudkan Pusat-Pusat Kecemerlangan (*Centres of Excellence, CoE*).

(2) Inovasi dan penyelidikan dalam mempertingkatan ilmu pengetahuan:

- Impak Program.
- Sosioekonomi.
- Sosiobudaya.
- Kesukanan.

## SASARAN

**30%**
Peningkatan kerjasama penyelidikan berfokus.

**30%**
Peningkatan penerbitan penyelidikan.

**10%**
Peningkatan Inovasi.

*Rujuk halaman 46-47 bagi garis asas dan sasaran.

# INDIKATOR PENANDA ARAS: PETUNJUK PRESTASI UTAMA DAN SASARAN

## PEMBERIAN PERKHIDMATAN BERKUALITI

(3) Kepimpinan dan perancangan pelapis:

- Pengurusan bakat.
- Inovasi.
- Permintaan dan pembekalan tenaga manusia.
- Pembangunan profesional.

## 1 INISIATIF STRATEGIK

- Mewujudkan strategi Perancangan dan Perkembangan Sumber Manusia dan pengurusan bakat.

## SASARAN

**30%**
daripada jumlah staf dan kakitangan berjaya menamatkan latihan Program Pembangunan Keupayaan.

**20%**
Peningkatan perkhidmatan yang memfokus kepada pelanggan.

**10%**
daripada jumlah organisasi yang berdedikasi untuk / sedang melaksanakan inovasi dan peningkatan kualiti.

*Rujuk halaman 46-47 bagi garis asas dan sasaran.

# INDIKATOR PENANDA ARAS: PETUNJUK PRESTASI UTAMA DAN SASARAN

Terdapat dua (2) bahagian di bawah Kehidupan Berkualiti:

**KEHIDUPAN BERKUALITI**

(1) Pembangunan Sosioekonomi:

- Pengurangan atau pembasmian kemiskinan.
- Golongan-golongan rentan yang memerlukan perlindungan.
- Pemerkasaan masyarakat.
- Pembangunan keupayaan masyarakat.

## 1 INISIATIF STRATEGIK

- Pelaksanaan berkesan Wawasan Brunei 2035.

## SASARAN

| 30% | 30% | 40% |
|---|---|---|
| Pengurangan relatif penerima Bantuan Kebajikan Bulanan (*able-bodied / able-to-work*). | Peningkatan relatif dalam indikator pembangunan sosial. | Peningkatan inisiatif yang diterajui masyarakat (dan keikutsertaan). |

*Rujuk halaman 46-47 bagi garis asas dan sasaran.

# INDIKATOR PENANDA ARAS: PETUNJUK PRESTASI UTAMA DAN SASARAN

## KEHIDUPAN BERKUALITI

(2) Pembangunan sosiobudaya dan kesukanan:

- Kecemerlangan sukan.
- Masyarakat yang bersemangat kesukanan.
- Kebudayaan, warisan dan kreatif.
- Pembangunan keupayaan masyarakat.

## 2 INISIATIF STRATEGIK

- Memaksimumkan ketersediaan program-program inklusif yang menyokong masyarakat.
- Meningkatkan keupayaan dan kemampuan masyarakat bagi meluaskan peluang dan pembangunan sektor-sektor.

## SASARAN

| 30% | 5 | 40% |
|---|---|---|
| Peningkatan penggunaan / penghunian kemudahan untuk melaksanakan program-program inklusif. | Memaksimumkan kemudahan bagi pembangunan sektor-sektor melalui kaedah Kerjasama Awam-Swasta (*PPP*) atau Penyumberluaran (*Outsourcing*). | Peningkatan inisiatif yang diterajui oleh masyarakat (dan keikutsertaan). |

*Rujuk halaman 44-45 bagi garis asas dan sasaran.

# Garis Asas

## OBJEKTIF STRATEGIK

## BIDANG UTAMA

## PROKSI PETUNJUK PRESTASI UTAMA

### KERJASAMA STRATEGIK

**(1.1) Pembangunan keupayaan masyarakat dalam meningkatkan keupayaan dan kemampuan:**

- Kebolehpasaran:
  - -Pekerjaan.
  - -Aktiviti Keusahawanan.
  - -Melanjutkan pelajaran.
- Kesukarelawanan.

(1.1) Proksi Petunjuk Prestasi Utama:
Kadar atau % penglibatan (keinklusifan).
Kadar atau % aktiviti pembangunan keupayaan.
Kadar atau % perusahaan yang berjaya atau aktiviti keusahawanan.
Kadar atau % pekerjaan.
Kadar atau % sukarelawan.

### PEMBERIAN PERKHIDMATAN BERKUALITI

(2.1) Perkhidmatan-perkhidmatan:

- Pensejajaran proses-proses.
- Kecekapan operasi.
- Keberkesanan program.
- Ketepatan masa dan produktiviti.

(2.1) Proksi Petunjuk Prestasi Utama:
Kadar atau % produktiviti.
Penambahbaikan jumlah atau % masa menunggu dan masa proses.
Jumlah Program Konsolidasi Fiskal (*FCP)*
(termasuk kecekapan operasi dan produktiviti).
Pusat-Pusat Kecemerlangan.
Program-program yang menepati indeks keberkesanan.

(2.2) Inovasi dan penyelidikan dalam mempertingkatan ilmu pengetahuan:

- Impak Program.
- Sosioekonomi.
- Sosiobudaya.
- Kesukanan.

(2.2) Proksi Petunjuk Prestasi Utama:
Kadar atau % inisiatif penyelidikan.
Kadar atau % penyelidikan penerbitan.
Kadar atau % inovasi.
Impak dan dapatan kajian.
Penjanaan kemahiran dan pengetahuan.

(2.3) Kepimpinan dan perancangan pelapis:

- Pengurusan bakat.
- Inovasi.
- Permintaan dan pembekalan tenaga manusia.
- Pembangunan profesional.

(2.3) Proksi Petunjuk Prestasi Utama:
Pulangan Pelaburan Latihan.
Kadar atau % kursus latihan menepati keperluan organisasi.
Kadar atau % kakitangan yang berkebolehan.
Kadar atau % pengisian jawatan-jawatan utama.
Pencapaian/Hasil Penyelidikan.
Penjanaan kemahiran dan pengetahuan.

### KEHIDUPAN BERKUALITI

(3.1) Pembangunan sosioekonomi:

- Pengurangan atau pembasmian kemiskinan.
- Golongan-golongan rentan yang memerlukan perlindungan.
- Pemerkasaan masyarakat.
- Pembangunan keupayaan masyarakat.

(3.1) Proksi Petunjuk Prestasi Utama:
Kadar atau % penyertaan dalam program pembangunan keupayaan masyarakat (Inklusif dan golongan sasaran).
Kadar atau % penglibatan pihak berkepentingan (kerjasama).
Kadar atau % inisiatif atau program yang diterajui oleh masyarakat (penyertaan).
Kadar atau % penerima kebajikan bulanan (*able-bodied and able-to-work*).

(3.2) Pembangunan sosiobudaya dan kesukanan:

- Kecemerlangan sukan.
- Masyarakat yang bersemangat kesukanan.
- Kebudayaan, warisan dan kreatif.
- Pembangunan keupayaan masyarakat.

(3.2) Proksi Petunjuk Prestasi Utama:
Kadar atau % penyertaan (golongan sasaran / sosial).
Kadar atau % penggunaan kemudahan fasilitas yang menepati permintaan masyarakat sebenar.
Kadar atau % perlaksanaan program pembangunan keupayaan masyarakat.

| 2019-2020 INDIKATOR PENANDA ARAS | SASARAN 2020-2024 |
| --- | --- |
| 40 Program Pembangunan Keupayaan dengan >27,000 peserta.<br>162 orang dari golongan sasaran yang terlibat dalam aktiviti keusahawanan.<br>379 orang dari golongan sasaran mendapat pekerjaan.<br>59 aktiviti kesukarelawanan yang berdaftar dengan >2,400 penyertaan sukarelawan. | 100% program kerjasama rakan strategik.<br>30% peningkatan bisnes permulaan yang berjaya atau dalam aktiviti keusahawanan.<br>40% peningkatan kadar keseluruhan golongan sasaran yang mendapat perkerjaan.<br>40% peningkatan aktiviti-aktiviti kesukarelawanan. |
| 38% pengunaan GEMS bagi seluruh Kementerian.<br>11.5 hari tempoh pemprosesan dan 8 minggu tempoh menunggu bagi permohonan *micro grant*.<br>41 kemudahan fasilitas yang tersenarai di bawah *Facilities Rental System* (*FRS*).<br>7 hari tempoh pemprosesan dan tempoh menunggu bagi permohonan bantuan bencana. | 60% proses kerja menggunakan teknologi digital.<br>100% penambahbaikan masa proses dan masa menunggu.<br>20% peningkatan penyatuan aset.<br>80% pelanggan berpuas hati dengan perkhidmatan.<br>3 Pusat-pusat Kecemerlangan (*CoE*). |
| 48 penyelidikan dan pendokumentasian.<br>60 penerbitan (buku, jurnal dan artikel).<br>4 pusat dikenalpasti berpotensi menjadi Pusat-Pusat Kecemerlangan (*CoE*). | 30% peningkatan kerjasama penyelidikan berfokus.<br>30% peningkatan penyelidikan penerbitan.<br>10% peningkatan inovasi. |
| 62% tenaga kerja menjalani Program Pembangunan Keupayaan.<br>>60% mencapai Penilaian Prestasi tahap Sangat Baik dan Cemerlang. | 30% daripada jumlah staf dan kakitangan berjaya menamatkan latihan program pembangunan keupayaan.<br>20% peningkatan perkhidmatan yang memfokus kepada pelanggan.<br>10% daripada jumlah organisasi yang berdedikasi untuk / sedang melaksanakan inovasi dan peningkatan kualiti. |
| 5,812 penerima Bantuan Kebajikan Bulanan.<br>5 program yang diterajui oleh masyarakat (Program Prihatin & Program Komuniti) yang melibatkan 175 peserta.<br>10 program yang diterajui oleh belia yang melibatkan >6,300 peserta. | 30% pengurangan relatif penerima Bantuan Kebajikan Bulanan (*able-bodied / able-to-work*).<br>30% peningkatan relatif dalam indikator pembangunan sosial.<br>40% peningkatan inisiatif yang diterajui masyarakat (dan keikutsertaan). |
| 41 kemudahan fasilitas yang tersenarai di bawah *Facilities Rental System* (*FRS*).<br>6 kemudahan fasilitas digunapakai untuk PPP atau Penyumberluaran (*Outsourcing*). | 30% peningkatan penggunaan kemudahan fasilitas / penghunian untuk melaksanakan program-program inklusif.<br>5 memaksimumkan kemudahan fasilitas bagi pembangunan sektor-sektor melalui kaedah Kerjasama Awam-Swasta (*PPP*) atau Penyumberluaran (*Outsourcing*).<br>40% Peningkatan inisiatif yang diterajui oleh masyarakat (dan keikutsertaan). |





















Daripada Anas bin Malik Radiallahu Anhu berkata, telah bersabda Rasulullah Shallallahu 'Alaihi Wassalam,

**"Bukanlah daripada kami yang tidak menyayangi orang yang lebih muda daripada kami dan menghormati orang yang lebih berusia daripada kami"**

(Hadi Riwayat Al-Tarmidzi)

*Petikan Titah*
*Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda*
*Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah*
*Ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien,*
*Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam*

---

**"Kejayaan yang telah diraih (semasa Sukan Asia Tenggara (SEA GAMES) ke-30), boleh dijadikan kayu ukur, bahawa prestasi para atlet kita adalah meningkat, dibanding sejak tahun 1977 kita menyertainya."**

*Sempena Tahun Baru Masihi 2020.*

---

**"Maka melalui Program Pelan Membasmi Kemiskinan di bawah Majlis Kebangsaan Isu Sosial (MKIS), kita telah pun merangka inisiatif-inisiatif pemerkasaan sara diri bagi golongan sasaran...**

**...Langkah ini akan membuka peluang yang lebih luas untuk golongan tertentu mendapatkan pekerjaan ataupun bergiat di dalam bidang keusahawanan, yang sekaligus akan mengurangkan kebergantungan kepada bantuan kerajaan."**

*Sempena Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Kali Ke-36, Tahun 2020.*

**"Beta turut berbesar hati atas komitmen tinggi para belia terhadap pembangunan negara. Ini bukan sahaja melalui pelbagai penglibatan dan inisiatif, bahkan juga turut menyumbang secara langsung kepada pembentukan dasar-dasar Kerajaan, seperti melalui Kongres Belia Kebangsaan 2019 dan rebiu Dasar Belia Negara."**

*Sempena Sambutan Hari Belia Kebangsaan Kali Ke-14, Tahun 2019.*

---

**"Sebagai rakyat Brunei, adalah juga penting bagi kita semua untuk mempertahankan ciri-ciri kebudayaan kita sebagai orang Brunei."**

*Sempena Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Kali Ke-4, Tahun 1988.*

# Pelaksanaan Inisiatif
















## "...masyarakat yang pemedulian."

# PELAKSANAAN INISIATIF: SEKTOR MASYARAKAT

## MASYARAKAT YANG PROGRESIF

Ekosistem pembangunan keupayaan masyarakat yang mapan, dinamik, berdaya tahan dan inklusif secara progresif.

## MISI

Untuk mewujudkan ekosistem mesra-masyarakat yang memberikan kesaksamaan dan akses kepada individu untuk:

- Menjana inspirasi pemedulian, perpaduan dan keinklusifan.
- Menerajui aktiviti-aktiviti pembangunan keupayaan masyarakat.
- Mewujudkan rangkaian aktiviti pembangunan sosioekonomi.

## Kejayaan ditentukan dengan merealisasikan objektif-objektif berikut:

- Kerjasama strategik melalui kerjasama seluruh negara.
- Inovasi dan peningkatan *platform* pintar dan digitasi.
- Institusi kekeluargaan dan nilai-nilai kukuh.
- Sistem keselamatan dan perlindungan sosial yang efisien dan efektif.
- Masyarakat yang teguh, bersemangat dan lebih inklusif.

## Inisatif Utama

### 1 Pengoptimuman sumber-sumber secara efektif

- Meningkatkan fungsi Kompleks Rumah Kebajikan sebagai pusat pemulihan dan perlindungan.
- Pusat Kegiatan Warga Emas.
- Pusat perlindungan sementara.
- Pusat Bahagia.

### 2 Menambahbaik pemberian perkhidmatan

- Merebiu Akta dan Dasar.
  - Pelan Tindakan Pembasmian Kemiskinan.
  - Akta Pencen Umur Tua dan Kelainan Upaya.
  - Perintah Orang Berkelainan Upaya.
- Perkembangan Wanita.
- Perlindungan Kanak-kanak.
- Memaksimakan *platform* pintar dan digitasi.
  - Sistem Kebajikan Negara.
- Rangka kerja kecekapan kerja sosial dan kaunseling.

### 3 Meningkatkan kerjasama strategik

- Pelaksanaan pelan-pelan tindakan.
- Jawatankuasa-Jawatankuasa Khas di bawah Majlis Kebangsaan Isu Sosial.
- Perkongsian sumber, ilmu pengetahuan dan kepakaran (Seperti tanggungjawab sosial korporat).

# EKOSISTEM MASYARAKAT YANG PROGRESIF

**Sistem atau rangkaian bahagian yang saling berhubungan dan berinteraksi yang saling melengkapi dan melengkapkan fungsi ekosistem. Terdapat 4 bidang di bawah ekosistem ini:**

### Pembangunan Keupayaan Masyarakat

- Ilmu Pengetahuan, Kemahiran dan Kebolehan.
- Sumber dan Infrastruktur.
- Perancangan teliti menghadapi risiko.

Memfokuskan kepada masyarakat berdaya tahan melalui kerjasama strategik.

### Jaminan Sosial

- Bantuan responsif; tempat perlindungan, pendidikan, pengangkutan dan lain-lain.
- Promosi dan pemerkasaan kesaksamaan; wanita, kanak-kanak, warga emas dan orang berkelainan upaya.
- Kesihatan dan kesejahteraan .

### Perlindungan Sosial

Bantuan awam dan program:

- Sosioekonomi; keusahawanan dan perkerjaan.
- Bantuan Kebajikan Bulanan, pencen-pencen dan elaun-elaun.

### Penglibatan Masyarakat

- Majlis Kebangsaan Isu Sosial.
- Agensi-agensi Kerajaan.
- Pertubuhan-pertubuhan Bukan Kerajaan dan Sektor-sektor Swasta.

Memfokuskan kepada inisiatif-inisiatif yang diterajui masyarakat, tanggungjawab sosial korporat, penambahbaikan tadbir urus, advokasi dan sokongan.

### Masyarakat Yang Progresif

- Kerjasama strategik melalui kerjasama seluruh negara.
- Inovasi dan peningkatan *platform* pintar dan digitasi.
- Institusi kekeluargaan dan nilai-nilai kukuh.
- Sistem keselamatan dan perlindungan sosial yang efisien dan efektif.
- Masyarakat yang teguh, bersemangat dan lebih inklusif.

# PENCAPAIAN SASARAN

**2020**

- Pelan-pelan tindakan di bawah Majlis Kebangsaan Isu Sosial bagi; orang kelainan upaya, warga emas, kemiskinan, institusi keluarga, wanita dan kanak-kanak.
- Pindaan Akta Pencen Umur Tua dan Kelainan Upaya.
- Perintah Orang Kelainan Upaya.
- Pengoptimuman Kompleks Rumah Kebajikan (KRK).
- Sistem Kebajikan Negara (SKN).
- Rangka Kerja Kebangsaan Perlindungan Kanak-Kanak.

**2021**

- Pusat Bahagia sebagai Pusat Kecemerlangan.
- Kompleks Bangunan Orang Kelainan Upaya.
- Rumah perlindungan baharu.
- Penyelidikan perkembangan wanita.

**2022**

- Jabatan Keluarga, Wanita dan Kanak-kanak.
- Rangka kerja kecekapan kerja sosial dan kaunseling.

**2023**

- Dasar Warga Emas.
- Dasar Institusi Keluarga.
- Inisiatif-inisiatif perusahaan sosial.

**2024**

- Dasar Kebajikan Negara.
















## "Belia...agen perubahan siaga masa depan"

## BELIA SIAGA MASA DEPAN

Belia bertaraf dunia yang berteraskan nilai, sebagai agen perubahan siaga masa hadapan bagi pembangunan negara dengan berakarumbikan keinklusifan.

## MISI

Untuk mewujudkan ekosistem pembangunan belia yang inklusif, dinamik dan mapan yang memberikan akses kepada individu untuk:

- Melibatkan diri dalam pembuatan dasar dan mengambil keputusan.
- Mencapai kecemerlangan yang tinggi dalam ilmu pengetahuan dan kemahiran.
- Mengukuhkan nilai-nilai teras keBruneian yang positif.

## Kejayaan ditentukan dengan merealisasikan objektif-objektif berikut:

- Kerjasama strategik melalui kerjasama seluruh negara.
- Inovasi dan peningkatan *platform* pintar dan digitasi.
- Penambahbaikan dalam nilai-nilai teras keBruneian.
- Agen siaga perubahan masa hadapan yang celik industri.
- Peluasan dalam keinklusifan.

## Inisiatif Utama

### 1 Pengoptimuman sumber-sumber secara efektif

- Pusat Kecemerlangan bagi pembangunan kemahiran dan latihan.
- Akademi Belia.
- Hab Belia – ruang kongsi bagi inovasi dan keusahawanan.
- Pusat Belia sebagai Pusat Kecemerlangan untuk *platform* yang diterajui belia.

### 2 Menambahbaik pemberian perkhidmatan

- Memaksimakan *platform* pintar dan digitasi.
  - Aplikasi Sukarelawan.
- Dasar perlindungan masa.

### 3 Meningkatkan kerjasama strategik

- Perkongsian sumber, ilmu pengetahuan dan kepakaran (Seperti tanggungjawab sosial korporat).
- Aktiviti-aktiviti atau program-program yang diterajui oleh belia.

# EKOSISTEM BELIA SIAGA MASA DEPAN

**Pemerkasaaan Belia**

- Dasar Belia Negara dan Strategi (DBNS).
- Jawatankuasa Kebangsaan DBNS.
- Bantuan belia.
- Agensi-agensi Kerajaan.
- Pertubuhan-pertubuhan Bukan Kerajaan dan Sektor-sektor Swasta.

Memfokuskan kepada forum dan inisiatif yang diterajui oleh belia, tanggungjawab sosial korporat, penambahbaikan urus tadbir, advokasi, dan sokongan.

**Pembangunan Keupayaan**

- Ilmu Pengetahuan, Kemahiran dan Kebolehan.
- Sumber dan Infrastruktur.

Memfokuskan kepada kebolehpasaran melalui kerjasama strategik.

## Belia Siaga Masa Depan

- Kerjasama strategik melalui kerjasama seluruh negara.
- Inovasi dan peningkatan *platform* pintar dan digitasi.
- Penambahbaikan dalam nilai-nilai teras keBruneian.
- Agen siaga perubahan masa hadapan yang celik industri.
- Peluasan dalam keinklusifan.

**Keusahawanan**

- Bantuan kewangan *(Micro Grant)*.
- *Platform* Agri-bisnes.
- *Platform* industri kreatif.

Dikaitkan dengan Ekosistem Keusahawanan Belia.

**Pembangunan Nilai**

- Agensi-agensi Kerajaan yang utama.
- Outward Bound Brunei Darussalam.
- Program Khidmat Bakti Negara.
- Pusat Pembangunan Belia.
- Jabatan Belia dan Sukan.
- Kompleks Rumah Kebajikan.
- Persatuan-persatuan Belia.
- Kesukarelawanan.

# PENCAPAIAN SASARAN

## 2020

- Dasar Belia Negara & Strategi 2020-2035.
- Jawatankuasa Kebangsaan DBNS 2020-2035.
- Garis Panduan Sukarelawan.
- Rebiu Program Keusahawanan Belia.
- Sistem Aplikasi Sukarelawan.
- Pemberian Bantuan untuk Persatuan dan Pergerakan Belia.

## 2021

- Rebiu Pusat Pembangunan Belia.
- Pusat Pembangunan Belia sebagai Pusat kecemerlangan bagi latihan Kraf dan Vokasional.
- Pusat Belia sebagai Pusat Kecemerlangan
- Rebiu PKBN.
- Rebiu OBBD.
- Akedemi Belia.
- Rebiu Resolusi Belia 2019.
- Rangka Kerja Kecekapan Kerja Belia.

## 2022

- konsortium syarikat-syarikat yang diterajui oleh belia.

## 2023

- Indeks Permbangunan Belia Kebangsaan.

## 2024

- Kongres Belia Kebangsaan.
- Majlis Belia Kebangsaan.
















## "...berprestasi cemerlang dalam sukan."

# PELAKSANAAN INISIATIF: SEKTOR KESUKANAN

## NEGARA SUKAN YANG GEMILANG

Mencapai kecemerlangan dalam sukan yang kompetitif, kemajuan dalam pembangunan sukan dan kesejahteraan masyarakat.

## MISI

Untuk mewujudkan persekitaran terbaik bagi kemajuan sukan dan akses kepada individu untuk:

- Menyertai aktiviti-aktiviti kesukanan.
- Bersaing dan mencapai kecemerlangan tinggi dalam sukan.
- Mengamalkan gaya hidup sihat.

## Kejayaan ditentukan dengan merealisasikan objektif-objektif berikut:

- Kerjasama strategik melalui kerjasama seluruh negara.
- Inovasi dan peningkatan *platform* pintar dan digitasi.
- Mencapai kecemerlangan dalam sukan dan prestasi.
- Masyarakat yang teguh dan lebih erat melalui sukan.
- Tadbir urus sukan yang mapan dan dinamik.

## Inisiatif Utama

### 1 Pengoptimuman sumber-sumber secara efektif

- Memfokuskan kepada atlet dan dorongan jurulatih untuk meningkatkan daya saing dan prestasi atlet.
- Pengurusan bakat dalam kesukanan.
- Pusat Penyelidikan Perubatan Sukan – taktikal, teknikal dan fizikal.
- Kemudahan-kemudahan kompleks sukan.
- Rangka kerja kecekapan sukan.

### 2 Menambahbaik pemberian perkhidmatan

- Merebiu akta dan dasar.
- Memaksimakan *platform* pintar dan digitasi.
- Program Pingat Sukan SEA.
  - Moral atlet dan daya saing, meningkatkan prestasi atlet, jurulatih dan pengurus sukan.
- Skim Penggalak Kecemerlangan Sukan.
- Program biasiswa sukan.

### 3 Meningkatkan kerjasama strategik

- Pembangunan komuniti sukan.
- Ekosistem sukan untuk orang muda (Seperti dasar aktiviti kurikulum tambahan).
- Perkongsian sumber, ilmu pengetahuan dan kepakaran (Seperti tanggungjawab sosial korporat).

# EKOSISTEM NEGARA SUKAN YANG GEMILANG

### Pembangunan Keupayaan

- Prestasi atlet.
- Pembangunan jurulatih.
- Ilmu Pengetahuan, Kemahiran dan Kebolehan.
- Sumber dan Infrastruktur.

Memfokuskan kepada kebolehpasaran melalui kerjasama strategik.

### Bakat Sukan

- Mengenal pasti bakat.
- Kejohanan-kejohanan.
- Pendidikan jasmani /aktiviti sekolah.
- Kerjaya dalam sukan.

## Negara Sukan Yang Gemilang

- Kerjasama strategik melalui kerjasama seluruh negara.
- Inovasi dan peningkatan *platform* pintar dan digitasi.
- Mencapai kecemerlangan dalam sukan dan prestasi.
- Masyarakat yang teguh dan lebih erat melalui sukan.
- Tadbir urus sukan yang mapan dan dinamik.

### Pembangunan Sukan

- Majlis Olimpik Negara Brunei Darussalam (BDNOC).
- Agensi-agensi Kerajaan yang utama.
- Persatuan-persatuan Sukan.
- Pertubuhan-pertubuhan Bukan Kerajaan dan Sektor-sektor Swasta.

Memfokuskan kepada acara-acara sukan kompetitif untuk masyarakat, acara-acara yang dipimpin oleh masyarakat, tanggungjawab sosial korporat, penambahbaikan tadbir urus, advokasi dan sokongan.

### Kesejahteraan Masyarakat

- Sukan untuk masyarakat.
- Gaya hidup sihat.

## PENCAPAIAN SASARAN

**2020**

- Mengoptimumkan Pusat Penyelidikan dan Perubatan Sukan.
- Mengukuhkan ekosistem sukan untuk kanak-kanak.
- Skim Penggalak Kecemerlangan Sukan.
- Program Pingat Sukan SEA.
- Anugerah Sukan Kebangsaan.

**2021**

- Rebiu pelan tindakan Dasar Sukan Negara.
- Program Biasiswa Sukan.

**2022**

- Stadium Negara Hassanal Bolkiah dinaiktaraf.

**2023**

- Yayasan Sukan Negara.

**2024**

Institut Sukan Negara Brunei Darussalam.

















## "...akar umbi identiti KeBruneian kitani."

# PELAKSANAAN INISIATIF: SEKTOR KEBUDAYAAN

## BUDAYA DINAMIK DAN PENGUKUHAN WARISAN

Budaya dan warisan negara sebagai tonggak perpaduan yang terus relevan dalam menyumbang ke arah pembangunan negara.

## MISI

Untuk mewujudkan persekitaran terbaik bagi kemajuan budaya, warisan dan perkembangan industri kreatif kepada individu untuk;

- Meningkatkan kualiti pemeliharaan dan pengurusan warisan budaya.
- Mewujudkan rangkaian dan penglibatan dalam aktiviti pembangunan kebudayaan.
- Terlibat dalam perkembangan penyelidikan.

## Kejayaan ditentukan dengan merealisasikan objektif-objektif berikut:

- Kerjasama strategik melalui kerjasama seluruh negara.
- Inovasi dan peningkatan *platform* pintar dan digitasi.
- Penambahbaikan dan kemampanan budaya, warisan dan industri kreatif.
- Memaksimumkan penglibatan masyarakat secara inklusif.

## Inisiatif Utama

### 1 Pengoptimuman sumber-sumber secara efektif

- Pusat Sumber Penyelidikan Budaya dan Warisan.
- Penjenamaan semula perpustakaan-perpustakaan sebagai pusat-pusat komuniti dan pelbagai hab pembelajaran.
- Pengurusan aset melalui *Fiscal Consolidation Programme (FCP).*

### 2 Menambahbaik pemberian perkhidmatan

- Merebiu akta dan dasar.
- Memaksimakan *platform* pintar dan digitasi.

### 3 Meningkatkan kerjasama strategik

- Penyelidikan berfokus dengan institusi pengajian tinggi dan organisasi antarabangsa.
- *Platform* bagi perkembangan bakat kreatif.
- Perkongsian sumber, ilmu pengetahuan dan kepakaran (Seperti tanggungjawab sosial korporat).

# EKOSISTEM BUDAYA DINAMIK DAN PENGUKUHAN WARISAN

## Pembangunan Keupayaan Masyarakat

- Ilmu Pengetahuan, Kemahiran dan Kebolehan.
- Sumber dan Infrastruktur.

Memfokus kepada kerjasama strategik.

## Memelihara Warisan Budaya

- Pemuliharaan, Pemeliharaan dan Perlindungan; akta, dasar, aset ketara / tidak ketara dan kualiti.
- Pembudayaan, pendidikan dan promosi.
- Keluarga, masyarakat, aktiviti-aktiviti dalam dan luar negara, program-program serta projek-projek.

## Budaya Dinamik Dan Pengukuhan Warisan

- Kerjasama strategik melalui kerjasama seluruh negara.
- Inovasi dan peningkatan *platform* pintar dan digitasi.
- Penambahbaikan dan kemapanan budaya, warisan dan industri kreatif.
- Memaksimumkan penglibatan masyarakat secara inklusif.

## Perkembangan Penyelidikan

- Penerbitan; berdasarkan bukti dan amalan terbaik, yang dikongsikan dan mudah diakses.
- Pusat sumber dan ilmu pengetahuan.
- Bekerjasama dengan pihak yang berkepentingan dalam dan luar negara.

## Pembangunan Kebudayaan dan Industri Kreatif

- Agensi-agensi utama Kerajaan.
- Pertubuhan-pertubuhan Bukan Kerajaan dan Sektor Swasta.
- Persatuan, individu dan pakar dalam industri.

Memfokuskan kepada industri, inisiatif-inisiatif yang diterajui oleh masyarakat, keusahawanan, tanggungjawab sosial korporat, penambahbaikan tadbir urus, advokasi dan sokongan.

## PENCAPAIAN SASARAN

### 2020

- Dasar Kebudayaan Negara.
- Kurikulum Akademi Budaya dan Kesenian.

### 2021

- Muzium Brunei.
- Budayaw 2021.
- Galeri kebudayaan ASEAN.
- Arca ASEAN Taman Damuan.
- Penjenamaan semula perpustakaan-perpustakaan.

### 2022

- Majlis Kebudayaan Negara.
- Penstrukturan semula Sektor Kebudayaan.

### 2023

- Pusat Sejarah Brunei sebagai Pusat Kecemerlangan Sejarah dan Kesultanan Brunei.

### 2024

- Muzium Brunei sebagai Pusat Kecemerlangan Sumber dan Penyelidikan.
- Pusat Kebudayaan Kebangsaan.
- Perpustakaan Negara.


















**"...terlibat aktif, cekap, berkebolehan dan berkeyakinan."**

# PELAKSANAAN INISIATIF: TADBIR URUS PENTADBIRAN

## PERSEKITARAN KERJA PRODUKTIF DAN INKLUSIF

Kakitangan yang terlibat aktif, cekap, berkebolehan dan berkeyakinan dalam menyampaikan perkhidmatan yang memenuhi pelbagai keperluan untuk mencapai objektif strategik Kementerian.

## MISI

Untuk mewujudkan organisasi yang selamat, saksama, sepadu dan komited ke arah penghasilan berkualiti melalui:

- Kemajuan dalam inovasi dan teknologi.
- Peluang latihan dan perkembangan.
- Budaya organisasi yang dinamik.

## Kejayaan ditentukan dengan merealisasikan objektif-objektif berikut:

- Berorientasikan prestasi, pencapaian dan produktiviti.
- Peningkatan kerjasama Pasukan Rentas Fungsi.
- Peningkatan inovasi, *platform* pintar dan digitasi.

## Inisatif Utama

### 1 Pengoptimuman sumber-sumber secara efektif

- Strategi Perancangan dan Perkembangan Sumber Manusia.
- Audit tenaga kerja.
- Program latihan dalaman.
- Sistem pengurusan kemudahan fasilitas.

### 2 Menambahbaik pemberian perkhidmatan

- Memaksimakan *platform* pintar dan digitasi.
- Mengoptimumkan peruntukan.
- Bahagian baharu:
  - Pengurusan Strategi dan Dasar.
  - Kesihatan, Keselamatan, Sekuriti dan Persekitaran (*HSSE*).
  - Unit Audit Dalaman.
  - Unit Undang-Undang.

### 3 Meningkatkan kerjasama strategik

- Perkembangan pembangunan keupayaan.
- Perkongsian sumber, ilmu pengetahuan dan kepakaran (Seperti tanggungjawab sosial korporat).

# EKOSISTEM PERSEKITARAN KERJA PRODUKTIF DAN INKLUSIF

**Pembangunan Keupayaan**

- Ilmu Pengetahuan, Kemahiran dan Kebolehan.
- Sumber dan Infrastruktur.

Memfokuskan kepada kerjasama strategik.

**Pentadbiran dan Kewangan**

- Sistem dan proses; penggunaan teknologi digital.
- Perbelanjaan Belanjawan.
- Audit.
- Analisis keperluan pembelajaran.
- Program-program pengurusan bakat.

**Pengurusan Operasi**

- Pengurusan aset; bangunan pengangkutan, mekanik dan elektrik.
- Kesihatan, Keselamatan, Sekuriti dan Persekitaran (*HSSE*) termasuk hal ehwal kesejahteraan kakitangan.

**Perkhidmatan yang Memfokuskan Pelanggan**

- Kepuasan pelanggan.
- Keprofesionalan.

Memfokuskan kepada budaya kerja yang positif prestasi dan produktiviti, penambahbaikan tadbir urus, advokasi dan sokongan.

**Persekitaran Kerja Produktif dan Inklusif**

- Berorientasikan prestasi, pencapaian dan produktiviti.
- Peningkatan kerjasama Pasukan Rentas Fungsi.
- Peningkatan inovasi, *platform* pintar dan digitasi.

# PENCAPAIAN SASARAN

## 2020

- Pejabat pintar.
- Audit tenaga kerja.
- Analisis keperluan pembelajaran.
- Sistem pengurusan kemudahan fasilitas.
- Program khidmat pelanggan.
- Perhubungan awam dan pengurusan media.

## 2021

- Bahagian Pengurusan Strategi dan Dasar.
- Strategi Perancangan dan Perkembangan Sumber Manusia.
- Bahagian Kesihatan, Keselamatan, Sekuriti dan Persekitaran (HSSE).
- Unit Audit Dalaman.
- Unit Undang-Undang.
- Belanjawan berasaskan program dan prestasi.

## 2022

- Program inovasi dan kualiti.
- Program pengurusan bakat.
- Rebiu tempoh pertengahan Pelan Strategik KKBS 2020-2024

## 2023

- Sistem proses digital.

## 2024

- Kajian kepuasan pelanggan.

# Strategi Pelaksanaan

# STRATEGI PELAKSANAAN: SETIAP ORANG MELAKSANAKAN

Bagi mencapai pemilikan dan pertanggungjawaban, perancangan strategik akan dilaksanakan melalui proses berikut:



Dari Abu Burdah Radiallahu Anhu berkata,
telah bersabda Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wassalam,

**"Mudahkanlah dan janganlah kamu menyukarkan, gembirakanlah dan jangan kamu menyusahkan dan berseia sekatalah kamu."**

(Hadith Riwayat Bukhari dan Muslim)

# Membawa Proses Ke Hadapan

# MEMBAWA PROSES KE HADAPAN: MEMAHAMI CABARAN

Memahami cabaran sosioekonomi melalui pendekatan imbasan persekitaran telah menghasilkan maklumat relevan yang berfungsi sebagai kesimpulan dalam merangka strategi dan dasar.

- 49% belia tidak berpuas hati dengan hiburan dan riadah yang sedia ada (YDI, 2018).
- Gaya hidup sihat yang rendah: 56% tidak kerap bersenam dan 19% adalah obes.
- 18% kanak-kanak sekolah yang berumur 5-19 adalah obes (NHNS, 2011).
- Pada tahun 2017, 7.13% penduduk adalah penerima Bantuan Kebajikan Bulanan (BKB); Pada tahun 2018, jumlah perbelanjaan BKB menurun sebanyak 8.21%.
- Pemerkasaan dan perlindungan: hak wanita, hak kanak-kanak dan hak orang kelainan upaya.




- Peningkatan dalam jangka hayat: lelaki 76.3, perempuan 78.3 (2017).
- Penduduk Menua: Umur >65, 5.3% daripada jumlah penduduk (2016).
- Dijangkakan meningkat 7.8% pada 2021.
- Penyakit-penyakit yang tidak berjangkit; seperti Dimensia.

- Kemajuan dan pencapaian dalam sektor persaingan sukan; Sukan Asia Tenggara, Sukan Paralimpik Antarabangsa.
- Kemajuan dalam teknologi digital: Revolusi Industri 4.0.
- Komitmen Matlamat-matlamat Pembangunan Mapan (*SDGs*).

- Kadar pengangguran yang tinggi: 7.1% - 9.3% daripada jumlah tenaga buruh (2014-2017).
- Pada tahun 2016, 57% pencari pekerjaan yang berumur di antara 20-29 tahun.
- Inisiatif kepelbagaian ekonomi: agri-bisnes, keusahawanan dan industri kreatif.

# MEMBAWA PROSES KE HADAPAN: EFEKTIF, EFISIEN DAN TEPAT PADA MASA

Tadbir urus yang baik adalah penting bukan sahaja untuk memastikan persekitaran organisasi yang dinamik dan kondusif, tetapi juga untuk mengatasi cabaran serta membawa proses perubahan ke hadapan.

## BIDANG-BIDANG BERPERANAN PENTING UNTUK MENCAPAI PERUBAHAN

**AMALAN BERASASKAN BUKTI DAN AMALAN TERBAIK (APA YANG BERJAYA DAN UNTUK SIAPA?)**

- Memanfaatkan data dan kejayaan.
- Imbasan persekitaran (dan tren).

**MEMODENKAN CARA BEKERJA**

- Ke arah penambahbaikan dan inovasi yang berkualiti.
- Membina keupayaan organisasi dengan perancangan sumber manusia dan pembangunan yang mapan.
- Memanfaatkan teknologi digital.

**KERJASAMA YANG BERKESAN**

- Membina kerjasama yang kukuh dan efektif (di dalam dan di luar).
- Perkongsian matlamat yang sama.
- Keinklusifan.

# Glosari

# GLOSARI

**Berdaya Saing**
Keupayaan dan kemampuan untuk mewujudkan peluang dalam pelaburan, pekerjaan, aktiviti-aktiviti keusahawanan, perkembangan perkhidmatan dan produk.

**Berbudaya**
Menghayati nilai-nilai teras keBruneian sebagai suatu gaya kehidupan.

**Celik Industri**
Keupayaan untuk memanfaatkan perkembangan Revolusi Industri 4.0.

**Dasar Perlindungan Masa (*Protected Time Policy*)**
Waktu yang diluangkan di luar pejabat yang perlu diberikan kebenaran oleh majikan untuk tujuan khas (e.g. tujuan kesukarelawanan dan kesukanan).

**Hab**
Suatu platform bagi memupuk idea-idea inovasi dan penyelidikan untuk pelaksanaan.

**Indikator Pembangunan Masyarakat**
Indikator utama bagi pembangunan masyarakat adalah termasuk pendidikan, kesihatan, pekerjaan dan kadar pengangguran dan kesamaan jantina yang digunakan oleh *World Bank* dan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk mengukur pembangunan sesebuah negara dan ia juga merupakan indeks utama yang digunakan untuk membandingkan tahap pembangunan bagi negara-negara yang berbeza.

**Keberdayatahanan**
Kebolehan dan ketekunan dalam mencapai visi.

**Kebolehpasaran**
Kebolehpasaran merangkumi latihan kemahiran, peluang pekerjaan, keusahawanan dan melanjutkan pelajaran.

**Keinklusifan**
Proses penyertaan masyarakat yang bertujuan untuk meningkatkan keadaan individu dan kumpulan untuk turut serta dalam masyarakat dan proses bagi meningkatkan keupayaan, peluang dan martabat golongan yang kurang bernasib baik pada dasar identiti mereka untuk turut serta dalam masyarakat (*World Bank*, 2019).

**Masyarakat**
Perkataan masyarakat dan perkataan komuniti boleh ditukar ganti dalam konteks ini, dan merangkumi keinklusifan seseorang yang khusus atau sekumpulan manusia yang lebih luas atau budaya, yang tinggal di kawasan yang sama, dan berongsi nilai-nilai asas dan minat yang sama.

Sekumpulan manusia yang lebih meluas dan termasuk kerajaan-kerajaan di seluruh dunia (masyarakat antarabangsa).

**Matlamat-matlamat Pembangunan Mapan (*SDGs*)**
Matlamat-matlamat Pembangunan Mapan (*SDGs*) yang juga dikenali sebagai Matlamat-matlamat Global, telah diterima pakai oleh semua negara anggota Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu pada 2015 sebagai seruan universal untuk bertindak bagi membasmi kemiskinan, melindungi dunia dan memastikan semua manusia menikmati keamanan dan kemakmuran menjelang 2030. Sebanyak tujuh-belas (17) *SDGs* yang disepadukan, iaitu jika suatu tindakan terhadap suatu bidang dilaksanakan akan memberi impak kepada pencapaian bidang yang lain (Program Pembangunan PBB, UNDP).

**Melayu Islam Beraja**
Asas kepercayaan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam yang dipraktikkan dalam urusan pentadbiran hal ehwal negara dan aktiviti harian. Ini berkaitan dengan lima (5) nilai teras keBruneian seperti yang dinyatakan di atas.

**Nilai-nilai Teras KeBruneian**
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dengan kerjasama Universiti Brunei Darussalam (UBD) telah mengenal pasti lima (5) nilai teras keBruneian untuk mengukur matlamat Strategi Sekuriti Sosial pada Wawasan Brunei 2035, iaitu: (i) Taat Setia kepada Raja dan Negara, (ii) Beragama dan Berakhlak Mulia, (iii) Berbudaya dan Bersifat Mulia, (iv) Berdikari, Berdaya Tahan dan Dinamik dan (v) Harmoni dan Bersatu Padu.

**Pembangunan Keupayaan Masyarakat**
Pembangunan Keupayaan Masyarakat merangkumi ilmu pengetahuan, kemahiran, sumber dan infrastuktur serta pembinaan institusi.

**Pemedulian**
Masyarakat pemedulian yang melibatkan diri dalam pelbagai bantuan atau perkhidmatan kebajikan masyarakat.

**Pihak Berkepentingan**
Mana-mana kumpulan atau individu yang terlibat atau berkenaan dengan pertubuhan perancangan strategik.

**Rakan Strategik**
Memanfaatkan pelbagai kerjasama (dalam sebarang sumber) untuk mencapai pembangunan yang mampan melalui matlamat yang sama.

**Revolusi Industri 4.0**
Revolusi Industri 4.0 menerangkan perubahan-perubahan pesat terhadap gaya hidup, bekerja dan berhubung antara satu dengan yang lain disebabkan oleh penerimaan sistem siber fizikal, iaitu sistem internet (Schwab, 2017).

***Vulerable Groups***
Kumpulan yang bersinonim dengan bahaya dan berisiko (Dasar Belia Negara dan Strategi 2020-2035).

Kumpulan yang mudah terdedah pada bahaya dan memerlukan perlindungan.

**Sumber**
Sumber termasuk tenaga manusia, bangunan, kemudahan fasilitas, pengangkutan dan ilmu pengetahuan.

**Tanggungjawab**
Kewajipan dan kebertanggungjawaban dalam melaksanakan kebolehan yang terbaik.

**Pendekatan Seluruh Negara *(Whole-of-nation approach)***
Suatu pendekatan yang melibatkan perniagaan, rakyat dan lain-lain pihak berkepentingan untuk membina penyelesaian yang lebih baik secara bersama (Straits Times, 2018).

Dalam erti kata lain, ia merupakan suatu pendekatan yang melibatkan pelaku bukan kerajaan dalam dasar awam (Klimburg, 2011).

*Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan ribuan terima kasih kepada semua yang terlibat, termasuk rakan-rakan strategik, dalam menjayakan pelan strategik ini.*

# Nota

# Nota

# Nota

كمنترين كبودايأن بليا دان سوكن

KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

ISBN 978-99917-36-15-0